

Haram Saling Marah, Saling Hasad Dan Tidak Bertegur Sapa

The infographic is titled "HARAM" in a large red box. Below it, the title "SALING MARAH, SALING HASAD DAN TIDAK BERTEGUR SAMA" is written. It features a central illustration of a man standing with hands on hips, looking angry, with speech bubbles above his head. To the left, there is Arabic text and its English translation. To the right, there is a QR code and a link to the official website.

SALING MARAH, SALING HASAD DAN TIDAK BERTEGUR SAMA

عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّدَ اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: لَا تَبَاغِضُوا وَلَا تَحَاسِدُوا وَلَا تَدَابِرُوا وَكُوْنُوا عِبَادَ اللَّهِ إِخْرَاجًا وَلَا يَجِدُ لِمُسْلِمٍ أَنْ يَهْجُرَ أَخَاهُ فَوْقَ ثَلَاثٍ

Daripada Anas bin Malik, bahawa Rasulullah SAW bersabda, "Jangan kamu saling memarahi, saling mendengki, saling membelakangi. Tetapi jadilah kamu semua hamba Allah yang bersaudara. Tidak halal bagi seorang Muslim (tidak berbicara) kepada saudaranya yang Muslim lebih daripada tiga hari."

(Hadis Riwayat Muslim, no.2559)

Imbas kod QR untuk penjelasan lanjut

<https://muftinegeri.sarawak.gov.my> +60 82-507500

عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّدَ اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: لَا تَبَاغِضُوا وَلَا تَحَاسِدُوا وَلَا تَدَابِرُوا وَكُوْنُوا عِبَادَ اللَّهِ إِخْرَاجًا وَلَا
يَجِدُ لِمُسْلِمٍ أَنْ يَهْجُرَ أَخَاهُ فَوْقَ ثَلَاثٍ

Maksudnya: Daripada Anas bin Malik bahawa Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam bersabda: "Jangan kamu saling memarahi, saling mendengki dan saling membelakangi. Tetapi jadilah kamu semua hamba Allah yang bersaudara. Tidak halal bagi seorang Muslim tidak berbicara kepada saudaranya yang Muslim lebih daripada tiga hari."

(Hadis Riwayat Muslim, no. 2559)

Hadis ini menjelaskan tentang tiga perkara yang diharamkan dalam Islam yang seharusnya dihindari oleh setiap Muslim yang beriman dengan Allah Subhanahu wata'ala dengan sebenar-benar keimanan.

Pertama ialah larangan daripada saling memarahi antara satu sama lain dan perlu mengawal emosi dalam apa juu keadaan. Apa yang perlu kita lakukan ialah sentiasa saling mengasihi antara satu sama lain dan bermaaf-maafan kerana ia termasuk sebagai ciri-ciri orang bertakwa. Allah Subhanahu wata'ala berfirman:

وَالْكَاظِمِينَ الْعَيْظَ وَالْعَافِينَ عَنِ النَّاسِ وَاللَّهُ يُحِبُّ الْمُحْسِنِينَ ﴿١٣٤﴾

Maksudnya: "Dan orang yang menahan marahnya serta memaafkan kesalahan orang lain dan Allah mengasihi orang yang berbuat kebaikan."

(Surah Ali-'Imran 3:134)

Oleh itu, kita perlu berusaha mengawal kemarahan yang ada dalam diri sama ada ia berpunca dari perbuatan kita sendiri atau perbuatan orang lain. Ini kerana sifat marah itu daripada syaitan. Sabda Rasulullah Sallallahu ‘alaihi wasallam:

“Sesungguhnya marah itu daripada syaitan, dan syaitan diciptakan daripada api. Api hanya dapat dipadamkan dengan air, maka apabila salah seorang daripada kamu marah, hendaklah berwuduk.”

(Hadis Riwayat Abu Daud, no.4784)

Rasulullah Sallallahu ‘alaihi wasallam juga menyifatkan orang yang kuat adalah orang yang mampu menahan marahnya. Sabda Rasulullah Sallallahu ‘alaihi wasallam yang bermaksud:

“Orang yang paling kuat bukanlah orang orang yang tidak dapat dikalahkan oleh orang lain, tetapi orang yang paling kuat itu ialah orang yang dapat menahan dirinya ketika dia sedang marah.”

(Hadis Riwayat Muslim, no.2609)

Kedua ialah larangan bersifat hasad iaitu seseorang yang mempunyai dalam dirinya tidak dapat melihat orang lain lebih darinya dan mempunyai niat untuk merosakkan nikmat orang tersebut. Allah Subhanahu wata’ala telah memerintahkan Rasulullah Sallallahu ‘alaihi wasallam supaya memohon perlindungan dari keburukan hasad sebagaimana Dia memerintahkannya untuk memohon perlindungan dari kejahatan syaitan. Allah Subhanahu wata’ala berfirman:



Maksudnya: “Dan daripada kejahatan orang yang dengki apabila dia melakukan dengkinya.

(Surah al-Falak 113:5)

Rasulullah Sallallahu ‘alaihi wasallam bersabda yang bermaksud:

“Hindarilah daripada perbuatan hasad, sesungguhnya hasad itu akan menghabiskan amal kebaikanmu sebagaimana api yang membakar menghabiskan kayu”

(Hadis Riwayat Abu Daud, no.4903)

Orang yang hasad gemar melakukan kejahanan sesama manusia dan cenderung meletakkan permusuhan dalam hati. Kita hendaklah memupuk sifat berkasih-sayang sesama Muslim bukanlah bermusuh-musuhan. Sabda Baginda Sallallahu ‘alaihi wasallam:

لَا يُؤْمِنُ أَحَدُكُمْ حَتَّىٰ يُحِبَّ لِأَخِيهِ مَا يُحِبُّ لِنَفْسِهِ

Maksudnya: “Tidak beriman (sempurna iman) seseorang itu sehingga dia kasih kepada saudaranya sebagaimana dia kasih kepada dirinya sendiri.”

(Hadis Riwayat Bukhari, no.13)

Ketiga ialah larangan untuk bertelingkah dengan sesama Muslim lebih dari tiga hari tanpa alasan yang munasabah. Hal ini berdasarkan kepada sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah Radhiallahu ‘anhu, bahawa Nabi Muhammad Sallallahu ‘alaihi wasallam bersabda yang bermaksud:

“Tidak halal bagi seorang Muslim untuk tidak menegur sapa saudaranya melebihi tiga hari. Apabila mereka berdua berjumpa, seorang memalingkan muka dan seorang lagi juga memalingkan muka. Orang yang terbaik antara mereka berdua adalah yang memulakan salam.”

(Hadis riwayat al-Bukhari, no.6077)

Perbuatan tidak bertegur sapa melebihi tiga hari sesama Muslim disebabkan permusuhan adalah dilarang dalam Islam. Ini kerana ia boleh merosakkan hubungan ukhuwah dan perpaduan umat Islam. Tujuan utama daripada peringatan ini adalah untuk menjaga keharmonian, kasih sayang, dan hubungan baik antara sesama umat Islam.

Oleh itu, hendaklah kita menghayati dengan sebaiknya hadis ini agar kita tidak menjadi salah seorang daripada tiga golongan tersebut. Wallahu ‘alam.